

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan,**

Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya dikemukakan laporan media pada tarikh **22 November 2019 (Jumaat)** untuk makluman warga PERPADUAN.

BERITA / ARTIKEL :

BIL	TARIKH	TAJUK BERITA	AKHBAR	M/S	KATEGORI
1	22 Nov 2019 (Jumaat)	Sukan wadah erat perpaduan kaum	Sinar Harian	46	Makluman

2. SINOPSIS :

1. **22 November 2019 (Jumaat)**, Sinar Harian ms 46:

Bidang sukan dilihat mampu menjadi platform terbaik dalam memupuk perpaduan antara kaum dinegara ini. Sukan bukan sahaja dapat meningkatkan perpaduan malah kegiatan berterusan dalam sukan juga dapat meningkatkan produktiviti, tahap kesihatan dan kecergasan serta kualiti kehidupan dalam kalangan rakyat Malaysia. Penyatuan semua kaum juga dapat dilihat ketika mereka memberi sokongan kepada pasukan Negara dalam sesuatu pertandingan.

Sukan wadah erat perpaduan kaum

SITI SARAH MD NOOR

Bidang sukan dilihat mampu menjadi platform terbaik dalam memupuk perpaduan antara kaum di negara ini.

Bagi Timbalan Dekan Fakulti Sains Sukan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Raja Mohamed Firhad, beliau secara peribadi berpandangan sukan mampu menyatukan masyarakat majmuk di negara ini.

"Saya lihat sukan sejak dulu sehingga hari ini tidak didominasi oleh sesuatu kaum sahaja. Semua kaum ada dalam sesebuah pasukan sebagai pemain, ju-

ralatih mahupun pengurus.

"Mereka bersatu hati untuk mengeratkan sukan negara tanpa mengira kaum dan agama. Contohnya, dalam pasukan bola sepak negara kita. Jurulatihnya berbangsa Cina (Tan Cheng Hoe) dan pemain-pemain kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu," ujarnya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Beliau memberitahu, sukan bukan sahaja dapat meningkatkan perpaduan, malah kegiatan berterusan dalam sukan juga akan dapat meningkatkan produktiviti, tahap kesihatan dan kecergasan serta kualiti kehidupan dalam kalangan rakyat Malaysia.



Cheng Hoe berjaya membentuk persefahaman baik dalam kalangan para pemainnya yang terdiri pelbagai latar belakang.



Sinar 星洲日報
SIN EWE PAU

SWEAT & SHOOT
SUKAN TANPA DISKRIMINASI
运动不分你我

Sertai Street Soccer 4on4 Basketball 3on3

Hadiah wang tunai berjumlah RM15,200 untuk dimenangi

15 DISEMBER 2019 AHAD 8.00 PAGI

PEKARANGAN KOMPLEKS KUMPULAN MEDIA KARANGPAK, SENIPEL, SELATAN CALANG

STREET SOCCER 4on4	BASKETBALL 3on3	XTVY BEST UNTUK PENUNJUNG:
<ul style="list-style-type: none"> Juara RM3,000 Naib Juara RM2,000 Kelapa RM1,200 Keempat RM800 Empat pasukan berjaya ke suku akhir menerima RM150 	<ul style="list-style-type: none"> Juara RM3,000 Naib Juara RM2,000 Kelapa RM1,200 Keempat RM800 Empat pasukan berjaya ke suku akhir menerima RM150 	<ul style="list-style-type: none"> E-sports Tournament (Jumlah wang tunai untuk dimenangi RM1,000) Penalty Shootout (Jumlah wang tunai untuk dimenangi RM1,000) Basketball shootout (Jumlah wang tunai untuk dimenangi RM1,000) Persembahan pancaragam dan cheerleaders Stage games Meet & Greet (E-sports idol) Persembahan artis popular

Pendaftaran kini dibuka! Anda yang ingin menyertai SWEAT & SHOOT, sila hubungi:
Mohd Firdaus Ishak 03-51017402 019-3087158

Menurutnya lagi, penyatuan semua kaum juga dapat dilihat ketika mereka memberi sokongan kepada pasukan negara dalam sesuatu pertandingan.

"Mereka datang daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Khadazan dan sebagainya untuk memberi sokongan. Ia secara tidak langsung akan meningkatkan lagi penglibatan pelbagai kaum dalam aktiviti sukan," ujarnya.

Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Madya Dr Nur Ikhwani Mohamad pula berkata, penyatuan antara kaum harus bermula dari bawah dan secara berterusan bagi memupuk satu hati dalam masyarakat di negara ini.

"Bagi menyatukan kaum dalam sukan, kita perlu bermula dengan sukan rakyat, perbanyakkan kelab-kelab sukan dan mengaktifkan program sukan. Perkara ini perlu dilakukan dengan melibatkan semua masyarakat tanpa mengira kaum.

"Selain itu, program yang dijalankan juga hendaklah berkala bukan hanya dijalankan pada bulan-bulan tertentu. Jadi, penyatuan antara kaum dapat dieratkan lagi dengan penglibatan aktiviti seperti itu," ujarnya.



DR RAJA MOHAMED



DR NUR IKHWANI



MOHD SADEK

Pada masa sama, beliau berkata, pihak berkepentingan juga harus memainkan peranan masing-masing dalam memacu penyatuan kaum menerusi pelbagai aktiviti sukan.

"Penyatuan sukan antara kaum perlu dimulakan di peringkat awal anak-anak bagi menyemai perasaan bersatu hati walaupun berbeza kaum, budaya dan agama. Oleh itu, pihak kerajaan dan agensi terlibat perlu memainkan peranan untuk menyediakan kemudahan bersukan kepada masyarakat," jelasnya.

Turut berkongsi pandangan sama ialah Pensyarah Kanan Fakulti Sains Sukan Rekreasi UiTM, Mohd Sadek Mustaffa yang lebih memberi penekanan terhadap aktiviti sukan di peringkat sekolah.

"Aktiviti sukan di peringkat sekolah haruslah melibatkan semua pelajar tanpa mengira kaum. Aktiviti sukan yang dijalankan itu juga haruslah mempunyai keseimbangan dengan akademik.

"Kita ambil contoh Australia. Ada pihak sekolah di negara itu yang menggunakan padang awam untuk menjalankan aktiviti sukan. Jadi para pelajar di sekolah tersebut dapat menjalin hubungan dengan pihak komuniti luar," jelasnya.

"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"

MOHD FAISAL BIN SALEH

Bahagian Korporat

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri